



POLISI GANGGUAN SEKSUAL & KEGANASAN TEMPAT KERJA

Ladang Rakyat Trengganu Sdn. Bhd. (LRTSB) mewujudkan polisi ini bertujuan untuk memberi pemahaman mengenai perlakuan gangguan seksual dan keganasan di tempat kerja sebelum tindakan diambil bagi mewujudkan suasana kerja yang harmoni dan kondusif dalam sebuah syarikat dengan mengambil kira:

- Memberi pemahaman dan kesedaran kepada majikan, kakitangan dan pekerja terhadap perlakuan gangguan seksual dan keganasan di tempat kerja
- Memastikan keselamatan pekerja dari segi mental dan fizikal terpelihara sepenuhnya
- Mencegah dan menghentikan perlakuan yang boleh menjelaskan reputasi dan imej syarikat

LRTSB memandang serius perkara tersebut dan akan mengambil segala langkah yang diperlukan bagi menghalang sebarang gangguan seksual dan keganasan di tempat kerja seperti berikut:

- Majikan akan berusaha menjalankan siasatan menyeluruh sebelum sesuatu tindakan diambil serta kesemua siasatan berkaitan dengan gangguan seksual dilaksanakan dengan penuh kerahsiaan bagi memberi jaminan dan keyakinan kepada pekerja / mangsa.
- Majikan tidak akan bertoleransi dengan perilaku sedemikian dan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan disiplin terhadap mana-mana kakitangan atau pekerja yang terbabit tanpa mengira status atau jawatan.
- Tindakan juga akan diambil ke atas pengadu / mangsa sekiranya didapati membuat aduan palsu dan tidak berasas.



CHE KU HAFEEZ BIN CHE KU DENANG
Ketua Eksekutif
Ladang Rakyat Trengganu Sdn Bhd

01hb Disember 2017